

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap penguasaan sintaksis BA dalam komunikasi di kalangan pelajar Melayu yang mempelajari bahasa Arab sebagai bahasa asing/ketiga. Tujuan kajian ini juga adalah untuk melihat samada kesilapan sintaksis yang dilakukan oleh pelajar dalam komunikasi secara bertulis ataupun secara lisan boleh memberi kesan kepada pembentukan makna ujaran sehingga menggagalkan proses komunikasi.

Data pertuturan dan penulisan dikumpul daripada ujian bertulis dan lisan ke atas pelajar Melayu daripada dua institusi pengajian tinggi. Data yang dikumpul untuk mengenalpasti kesilapan sintaksis yang berlaku dalam ayat subjek-predikat, frasa adjektif dan juga frasa *iḍāfa*. Jenis-jenis kesilapan yang terhasil adalah yang melibatkan aspek keserasian samada dari segi genus, penggunaan partikel penentu (أل) atau kasus, dan juga masalah susunan kata. Analisis kajian ini berdasarkan kepada kategori nahuan BA yang dikemukakan oleh 'Abbās Ḥasan (1964).

Berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi daripada kedua-dua ujian yang dijalankan, ternyata pelajar gagal membina ayat-ayat yang mudah. Kesilapan-kesilapan sintaksis yang berlaku telah mengakibatkan masalah komunikasi lantaran kesilapan yang berkaitan dengan keserasian dan susunan kata boleh memberi kesan yang mendalam ke atas pembentukan makna.

ABSTRACT

The present study examines the competency of Malay student learning Arabic as a foreign/third language in constructing Arabic phrases and sentences both in writing and speaking. The aim of the study is to determine whether the syntactic errors made by the selected students affect meaning thus giving rise to communication problems.

The spoken and written data were collected from university students using both written and oral tests. The collected data were examined for errors in the construction of subject-predicate sentences, adjectival phrases and the genitive construct phrases. The analysis was based on the grammatical categories proposed by 'Abbās Ḥasan (1964). What is clear from the examination is that students are not able to construct simple sentences. The types of errors identified include agreement in gender, definite article or cases and word order. Such errors could result in communication breakdown because in Arabic, errors in agreement and word order affect meaning.

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah (S.W.T) kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, saya telah mendapat kekuatan untuk menyempurnakan tesis ini.

Pertama sekali saya ingin menyampaikan sejuta penghargaan kepada penyelia saya iaitu Prof. Madya Dr. Zuraidah Mohd Don. Dengan penuh kesabaran memberi bimbingan dan tunjuk ajar dalam menyempurnakan tesis ini.

Ucapan penghargaan seterusnya ditujukan kepada Bahagian Latihan dan Biasiswa UiTM, yang telah memberi kepercayaan kepada saya untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah kedoktoran. Kepada bekas ketua Pusat Bahasa UiTM Prof. Madya Syed Omar Al-Saqqaf dan Prof. Madya Dr. Syed Omar Al-Mashur, ketua Pusat Bahasa sekarang iaitu Prof. Madya Tuan Hj. Mohd Noh Nyata serta timbalan Ketua Prof. Madya Maimunah Idrus, terima kasih diucapkan atas bantuan dan sokongan yang diberikan.

Kepada dua orang rakan seperjuangan iaitu Norhayuza (UiTM) dan Che Radiah (UPM), hanya Allah sahaja yang dapat membalas budi baik anda berdua yang terlalu banyak membantu saya dalam menjayakan ujian terhadap pelajar, membantu mendapatkan maklumat dan bahan rujukan, juga berbincang demi untuk menyempurnakan tesis ini. Tidak lupa juga kepada Prof. Madya Dr. Ahmad Shehu Abdul Salam (UIAM) yang sudi membantu dalam menilai kesahihan ungkapan dan ayat yang dihasilkan oleh pelajar dalam ujian. Kepada Dr. Zaki dan Ustaz Mat Taib Pa dan Dr. Siti Iqbal, terima kasih di atas bantuan dan tunjuk ajar yang diberikan.

Kepada bekas pelajar Ahmad Zamharero, anakanda Tuan Syazwani, Tuan Nur Jihani dan Amalina yang banyak membantu dalam pengendalian komputer, urusan memproseskan data, jutaan terima kasih diucapkan. Kepada anakanda Ilyani, terima kasih di atas bantuan mendapatkan bahan daripada UIAM. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada Prof. Madya Baizura, Prof. Madya Liau Lay San, Nazariah dan Raihan di atas sokongan dan bantuan mereka.

Buat suami yang tercinta, Tuan Azhar Tuan Ibrahim, tiada kata yang dapat dilafazkan bagi menggambarkan rasa terima kasih atas segala pengorbanan, bantuan, restu dan pengertian yang sebenarnya menjadi penentu kepada kejayaan tesis ini.

Akhir sekali saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membantu menyempurnakan tesis ini terutama sekali para pelajar UiTM dan UPM yang telah sudi memberi kerjasama menjadi subjek kajian saya. Begitu juga para kakitangan perpustakaan Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya, Akademi Pengajian Islam dan Universiti Antarabangsa yang sentiasa memberi layanan yang mesra sepanjang saya menggunakan khidmat mereka. Adinda Rozman, juga rakan-rakan seperjuangan seperti Ustaz Muhammad Yusuf, Sahabudin, Ibrahim, Uminajah dan juga Ustaz Imran daripada UIAM serta lain-lain yang tidak dapat disebutkan semuanya di sini yang sentiasa memberi sokongan dan bantuan dalam segala hal. Hanya Allah jua yang akan membalas budi baik anda.